

PERANAN ISLAM DALAM MENCORAKKAN KEBUDAYAAN MELAYU

Menurut Pickthall, "The culture of Islam aimed not at beautifying and refining the accessories of human life. It aimed at beautifying and exalting human life itself". Islam adalah satu corak dominan dalam mewarnakan budaya Melayu secara evolusi. Islam memiliki peranan yang penting dan kompleks dalam membentuk masyarakat, sistem nilai serta pranata – pranata sosial lainnya. Proses Islamisasi masih berterusan hingga kini.

Menurut Naquib Al-attas, Islam telah mempersiapkan kebudayaan Melayu kepada datangnya dunia moden, iaitu ianya memperkenalkan terlebih dahulu tentang semangat rasionalistik dan falsafah, jauh sebelum penjajahan barat membawanya masuk ke rantau ini. Apabila ilmu pengetahuan tentang Islam semakin meningkat, maka proses transformasi sosial dan budaya berlaku secara menyeluruh. Salah satu aspek budaya Melayu yang telah diperkayakan dengan datangnya Islam ialah berubahnya pemikiran serta pandangan semesta masyarakat Melayu.

Penyebaran Islam ke dunia Melayu telah merubah sistem nilai dan cara pemikiran orang Melayu. Islam memberi satu pandangan dunia (world view) yang baru di mana mereka membentuk sebahagian daripada umat Islam yang mempunyai jaringan antarabangsa yang luas dan memiliki tradisi dan tamadun yang tinggi. Nilai-nilai seperti egalitarian, penghormatan kepada hak manusia dan pertanggungjawaban manusia akan segala tindakanya juga diterima dalam sistem nilai orang Melayu. W.F. Wertheim menjelaskan, "Islam telah memberikan manusia kerdil rasa harga diri sebagai ahli dalam masyarakat yang beragama Islam. Berdasarkan ideologi Hindu, seseorang itu hanya makhluk berkasta bawahan jika dibandingkan dengan mereka yang atasan. Dalam Islam, dia boleh rasakan kedudukan yang sama dengan mereka, malahan sifatnya sebagai seorang Muslim, lebih tinggi kedudukannya dari mereka yang bukan Muslim, walaupun dia masih memegang jawatan bawahan dalam struktur masyarakat."

Islam mencorak kebudayaan Melayu dari sudut sistem sosial intelektual, politik, bahasa, tatacara hidup (rites of passage), perundangan, kepercayaan, adat istiadat, estetika seni, kesusasteraan dan lain - lain lagi. Sepertimana menurut C.A.Majul, "Islam mempengaruhi seluruh struktur masyarakat Melayu dari sudut politik, ekonomi dan kehidupan sosial." Lantas wajar ditolak

tanggapan sarjana Barat bahawa pengaruh Islam 'berkulit' sahaja di kalangan masyarakat Melayu - "kepingan lapisan yang tipis di atas tamadun pribumi yang besar lagi kukuh".

Sejak seseorang dilahirkan sehinggalah menghembuskan nafas yang terakhir, Islam telah memperkenalkan adat istiadat Islam untuk mengambil alih adat dan tradisi lama yang telah mempengaruhi masyarakat Melayu. Misalnya, apabila seorang bayi Muslim dilahirkan, ia akan dibangkan di telinga kannanya, diqamatkan di sebelah kirinya. Apabila sudah meningkat umur, anak itu akan dikhatankan. Setelah dewasa, upacara perkahwinan akan dijalankan mengikut landasan Islam. Akhir sekali apabila ia meninggal dunia, mayatnya akan dimandikan, dikapan, disembahyangkan, dikebumikan dan dibacakan talkin, sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam.

Dalam sistem politik kesultanan Melayu, konsep diraja telah diubah sifatnya daripada penjelmaan dewa kepada seorang pemerintah atau pemimpin rakyat sahaja. Ini menjadikan status raja itu sama seperti manusia biasa ciptaan Tuhan. Raja diamanahkan Tuhan untuk memimpin rakyat. Dengan lain kata, "pemimpin dalam Islam itu bukanlah suatu keistimewaan, tetapi ia adalah tanggungjawab. Menurut Ismail Hamid, "Sejak Islam mula diperkenalkan di Nusantara ini, perundangan Islam telah banyak mempengaruhi bidang siasah dan pentadbiran di negeri – negeri Melayu. Dengan itu, perundangan Islam telah membantu dalam proses dan pengurusan perundangan Melayu dengan lebih sempurna lagi terutama sekali dalam konsep menegakkan keadilan sosial dalam masyarakat Melayu khususnya.

Kedatangan Islam telah membawa pengenalan baru terhadap bidang intelek melalui pengenalan ilmu pengetahuan yang bercorak falsafah. Islam membawa bersamanya ilmu metafizika Sufisme yang membuka minda orang-orang Melayu kepada daya intelektual tinggi dan semangat keagamaan berbentuk rasionalisme sehingga mencatatkan peringkat fahaman rasionalisme dan intelektualisme yang tinggi. Buktinya, terdapat ramai yang bergiat menganjurkan penulisan dan pentafsiran ilmu – ilmu sejarah, tasawuf serta filsafat Islam akibat kesedaran orang ramai terhadap kemuliaan manusia dan keagungan Tuhan melalui Islam.

Bukan itu sahaja, tamadun Islam di Nusantara juga telah mengembangkan tradisi pendidikan dan pengajaran kepada setiap lapisan masyarakat. Fahaman rasionalisme dan

intelektualisme menyumbang kepada nilai – nilai peri pentingnya ilmu pengetahuan itu bagi setiap orang Muslim. Pemikiran rasionalisme dan intelektualisme ini sebenarnya bukanlah perkara yang baru cuma masyarakat Melayu pada ketika itu telah dikongkong dgn pemikiran feudalisme. Namun, rasionalisme dan intelektualisme berjaya mencetuskan revolusi intelek di kalangan orang – orang Nusantara dan berlakulah penjanaaan idea atau falsafah dan pesatnya. Menerusi Islam, banyak juga ilmu d tamadun Islam yang lain seperti Parsi dan Yunani diperkenalkan kepada alam Melayu. Ini dapat dilihat dalam contoh hikmah Aflatun dan Aritatalis yang disebut dalam karya sastera Melayu Klasik. Selaras dgn itu juga, lahirlah beberapa tokoh ahli fikir seperti Hamzah Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Nurrudin-al-Raniri, dan lain-lain lagi. Jelas dilihat bahawa kekosongan intelek telah dapat diisi dengan kedatangan Islam.

Kedatangan Islam juga melihat bahasa Melayu dinaikkan darjatnya ke status yang lebih tinggi dan wujudnya sistem penulisan Jawi yang mantap. Kedatangan Islam bukan hanya telah mempertingkatkan kemampuan Bahasa Melayu melalui sistem Jawi, Islam juga telah memberi peluang kepada Bahasa Melayu menunjukkan kebolehannya sebagai sebuah bahasa lingua franca di rantau ini.

Genre-genre baru yang timbul bersama kedatangan Islam memperkaya koleksi karya kesusasteraan Melayu. Muncullah karya sastera Islam spt Hikayat Nur Muhammad, Hikayat Amir Hamzah, dan lain-lain lagi. Di samping itu cerita-cerita tasawuf/sufi juga diperkenalkan untuk dijadikan teladan kepada pembaca contohnya seperti Hikayat Sultan Ibrahim yang telah membawa perubahan besar kepada sastera dan pandangan masyarakat Melayu. Selain itu, terdapat magnum opus masyarakat Melayu, Tajussalatin yang diarah tulis oleh raja sbg panduan gln pemerintah yang mengandungi ajaran dan hukum-hukum tentang Islam. Islam juga memperkenalkan genre syair pada masyarakat Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa Islam banyak mempengaruhi perkembangan kesusasteraan Melayu.

Islam telah juga mempengaruhi lapangan budaya material dan ekspresif orang-orang Melayu. Buktinya dapat dilihat pada bentuk kubah dan mihrab yang menghala ke kiblat, seni ukiran pada batu-batu nisan di perkuburan Islam, seni muzik dan lagu berbentuk nasyid, qasidah , berzanji, seni khat, dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, sumbangan Islam kepada kebudayaan Melayu amat besar. Ia mendasari cara hidup dan pandangan dunia masyarakat Melayu. Namun yang penting sekali, Islam mendasari ideniti Melayu. Kemasukan Islam semcm menjadi penentu takrif Melayu. Malah hingga kini yg dikatakan manusia Melayu itu harus memenuhi 3 kriteria asas dan Islam merupakan salah satu penciriannya. Di samping merubah kehidupan dan pandangan masyarakat Melayu, Islam membentuk dan mempersiapkan masyarakat Melayu menghadapi era pemodenan tanpa merubah pendiriannya pada agama. Sifat keanjalan dalam agama Islam memudahkannya menyerap ke dalam budaya Melayu. Maka itu dapat dikatakan bahawa Islam dan kebudayaan Melayu tak dapat dipisahkan dan sentiasa mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu dalam apa jua lapangan. Nilai-nilai Islam itu sememangnya sempurna dan sebagaimana telah dibentangkan, ianya mencakupi segala aspek kehidupan.